



---

### TERMA DAN SYARAT PENDAFTARAN BARU

---

Syarikat yang memohon untuk didaftarkan dengan **FELDA HOLDINGS BHD** dinasihatkan untuk membaca terma dan syarat dengan teliti sebelum mengemukakan permohonan.

1. Sesebuah syarikat, perniagaan atau koperasi yang memohon untuk berdaftar dengan **FELDA HOLDINGS BHD** hendaklah terlebih dahulu diperbadankan di Malaysia, iaitu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pejabat Pendaftar Pembangunan Koperasi, yang mana berkenaan.
  2. Tempoh sahlaku pendaftaran ialah selama dua **(2) tahun** sahaja. Permohonan pembaharuan hendaklah dibuat tiga (3) bulan sebelum tarikh luput pendaftaran.
  3. Berikut adalah jenis perniagaan yang **TIDAK PERLU** didaftarkan sebagai vendor **FELDA HOLDINGS BHD** :-
    - Firma Guaman
    - Agensi Kerajaan / GLC
    - Firma Perunding / Badan Profesional
    - Pembeli Barangan Hasil Syarikat Kumpulan FELDA
    - Firma / Agen Insurans
    - Hospital / Klinik
    - Pembekal Bahan Mentah (BTS / Getah Sekerap / Isi Sawit / Koko dll.)
    - Hotel / Resort / Restoran / Kantin
    - Institusi / Perunding Latihan dan Pusat Pembelajaran
    - Firma Broker
    - Pembekal Tunggal (*Sole Agent*)
    - Syarikat / Agen Pengangkutan Laut dan Udara serta 'Forwarding Agent'
    - Pembekal Senjata dan Aksesori
  4. Pendaftaran hanya boleh dibuat secara atas talian (**online**) melalui laman web e-Daftar **FELDA HOLDINGS BHD** iaitu di <http://edaftar.felda.net.my>
  5. Maklumat yang diisi mestilah benar, betul dan lengkap. Permohonan yang tidak lengkap dalam masa **10 hari** akan dengan sendirinya terbatal.
  6. Pemohon hanya dibenarkan memohon tidak lebih dari **dua (2) Bidang Utama** dan **tiga (3) Sub-Bidang** untuk setiap bidang utama serta nyatakan secara khusus **Aktiviti** yang dipohon. Keutamaan **Bidang** yang dipohon **MESTILAH** berdasarkan perniagaan teras Syarikat (Core Business)
  7. Pemohon yang ingin berdaftar dalam bidang KEJURUTERAAN **DIWAJIBKAN** mempunyai sijil CIDB (Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia) dan bagi bidang PERTANIAN mesti mempunyai Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) kepala VI.
  8. Jika pemohon memiliki lebih dari satu syarikat / pegangan saham dalam syarikat yang lain, hanya **SATU** syarikat sahaja yang dibenarkan mendaftar.
  9. Setiap permohonan dikenakan **Bayaran Pemprosesan** sebanyak **RM 50.00 (tidak dikembalikan)**. Bayaran hanya boleh dibuat dalam bentuk **Wang Pos / Bank Draf** atas nama **FELDA HOLDINGS BHD**.
-



10. **PENTING !** :

- i. Bayaran Pemprosesan hendaklah dibawa semasa menghadiri sesi temuduga pada tarikh dan tempat yang akan ditetapkan kemudian.
- ii. Sila catatkan nama syarikat anda di belakang Wang Pos / Bank Draf tersebut untuk tujuan penyelarasan status bayaran.

11. **FELDA HOLDINGS BHD TIDAK MELANTIK ORANG PERSEORANGAN ATAU AGEN BAGI URUSAN PENDAFTARAN.**

---